

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD AMZAD B. MOHAMED @ HASHIM
[KUALA TERENGGANU]**

SOALAN : 33

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kesesuaian kemudahan dan kekuatan anggota Balai Polis Chabang Tiga dalam menjalankan peranannya dengan keluasan kawasan kawalannya dan adakah rancangan Balai Polis yang baru di Kuala Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan projek Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu telah disenaraikan dalam Pelan Strategik PDRM (PSPDRM) Lima Tahun, namun ianya tidak dapat direalisasikan dalam masa terdekat ekoran keutamaan kepada cadangan projek lain yang lebih mendesak.

Pada masa ini, pihak Kementerian sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada (baharu dan sambungan) serta kerja-kerja menaiktaraf premis PDRM yang uzur. Walaubagaimanapun, cadangan projek ini akan dimasukkan dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk dilaksanakan setelah semakan keutamaan dibuat.